

22/02/2001

Karyawan sokong saranan Dr Mahathir

Hanisah Selamat

PRODUSER filem tempatan menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya satu kajian akademik dibuat untuk menilai sejauh mana pengaruh filem Bollywood terhadap masyarakat tempatan.

Pada masa yang sama, mereka juga berpendapat bahawa masyarakat tidak seharusnya menyalahkan kehadiran filem Bollywood semata-mata kerana banyak anasir dan pengaruh lain yang menjuruskan kepada masalah sosial yang berlaku.

Penerbit dan pengarah filem, Rashid Sibir, berkata adalah tidak adil untuk menyalahkan filem keluaran Bollywood kerana pengaruh filem seperti Hollywood dan Hong Kong juga tidak kurang hebatnya.

"Kita tidak boleh menyalahkan filem Bollywood 100 peratus kerana banyak anasir lain yang membawa gejala negatif.

"Tidak adil jika menuding kesalahan pada sesuatu yang belum ditentukan kebenarannya. Lagipun, kebanyakan filem Hindi melambangkan nilai kehidupan keluarga masyarakat Timur.

"Rangkuman pertalian kasih sesama keluarga, ketaatan seorang anak atau kemesraan masyarakat sekampung adalah mesej yang ditonjolkan. Adakah perkara ini kita lihat dalam filem Hollywood atau Hong Kong?" katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Dr Mahathir mengenai perkara itu ekoran saranan wakil Majlis Mufti-Mufti Malaysia, Datuk Seri Harussani Zakaria supaya stesen televisyen mengurangkan siaran filem Hindi kerana ia dikatakan menjurus kepada gejala sumbang muhrim.

Menurutnya, stesen televisyen juga perlu membuka peluang kepada penerbit tempatan bagi menggelakkan banjir produk luar yang membawa pelbagai pengaruh.

Sementara itu, penerbit Paradigm Picture, Aziz M Osman, berkata filem terlalu subjektif untuk diperkatakan kerana ia menegaskan satu konsep iaitu kebenaran menentang kejahatan.

"Banyak unsur moral yang dapat ditunjukkan dalam filem. Namun penonton melihat sesuatu kisah hanya sebagai bahan hiburan selain menyelitkan unsur teladan.

"Saya tidak nampak perkara negatif yang dibawa filem Bollywood kerana pengaruh artis Barat lebih menonjol di sini terutama cara hidup dan gaya berpakaian.

"Mungkin kita sepatutnya membuat perbandingan antara Hollywood, Bollywood, Hong Kong dan Jepun sebelum meletakkan kesalahan pada sesuatu pihak," katanya.

Penerbit JD Productions, Julie Dahlan, pula meminta sesuatu perkara dipertimbangkan terlebih dulu dengan mengambil kira suara penonton dan kehendak ramai.

Malah sambutan terhadap filem Bollywood menyebabkannya beliau mengambil kesempatan mengundang pelakon terkenal, Salman Khan sebagai bintang undangan bagi filem terbarunya, Cinta Korporat.

"Bagi saya tidak salah menggunakan peluang yang ada terutama dalam pembikinan atau pemilihan filem yang disukai. Bollywood adalah sumber sampingan yang dapat memeriahkan industri tempatan.

"Pada saya perkara utama terletak pada hati. Kita tak boleh menuding jari sekiranya Bollywood mendapat sambutan. Tidak wajar menyalahkan mereka kerana banyak faktor pendorong yang lain.

"Semua pihak perlu memikirkan pro dan kontra terutama yang membabitkan

cita rasa ramai kerana kita hidup dalam masyarakat berbilang kaum. Televisyen hanya saluran mendapatkan maklumat dan hiburan sekeluarga," katanya.

Menurut penerbit Nizarman Production, Ruhani Abdul Rahman, pula berpendapat penonjolan yang terlalu meluas di televisyen menyebabkan filem Hindi dipersalahkan walaupun hakikatnya ia lebih bercorak kekeluargaan.

Katanya, stesen televisyen sebenarnya memegang tanggungjawab besar dalam mencorakkan mentaliti penonton menerusi pemilihan cerita yang disiarkan untuk umum.

"Penonton boleh berfikir secara rasional dan mempertimbangkan baik dan buruk. Jika kita mengambil sesuatu teladan dari cerita yang dipaparkan, tentu kita dapat mesejnya," katanya.

(END)